



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### MENTERI KPWK M ENOLAK CADANGAN SELEBRITI TEMPATAN MERENDAHKAN MARTABAT WANITA

Saya telah menonton klip video yang telah tular berhubung cadangan/ kenyataan yang telah dibangkitkan oleh seorang selebriti tempatan dalam satu sesi wawancara audio siar pada 7 Januari 2024.

Sebagai seorang wanita, secara peribadi saya berpandangan bahawa apa jua cadangan yang meletakkan wanita sebagai “alat” untuk menyelesaikan masalah sosial adalah sebagai merendahkan martabat kaum wanita. Wanita berhak untuk menerima pengiktirafan dan layanan yang lebih baik daripada itu.

Sebagai individu yang memegang portfolio Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian sentiasa memberi fokus terhadap usaha-usaha memperkasa wanita dan mengurusperdanakan gender melalui pelbagai program bagi meningkatkan penglibatan dan kapasiti wanita dalam pelbagai sektor di semua peringkat bagi menyumbang dan menjadi agen pembangunan negara.

Ini termasuklah membantu Kerajaan menyediakan ekosistem terbaik dan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan wanita mempunyai peluang yang adil untuk mendapat tempat serta memiliki kerjaya yang baik dan bermaruah, sama seperti peluang yang dimiliki oleh kaum lelaki.

KPWKM juga sentiasa mempunyai sifar toleransi dalam apa jua bentuk keganasan terhadap wanita, sama ada secara fizikal, seksual, emosi, mahupun psikologi dan pendirian ini didokong penuh oleh Kerajaan Malaysia sejak dahulu lagi, dan disokong merentasi Kementerian.

Justeru, kesedaran dan publisiti yang positif terhadap hak dan sistem sokongan kepada wanita yang perlu ditanam dan disebar kepada rakyat umum, dan bukan sebaliknya.

Kenyataan, cadangan ataupun gurauan yang tidak sensitif terhadap wanita tidak boleh dijadikan normalisasi. Apatah lagi apabila ia secara terang bercanggah daripada pelbagai sudut, sama ada dari sudut undang-undang, prinsip serta nilai kekeluargaan dan budaya serta agama.

Saya percaya rakyat Malaysia adalah rakyat yang berilmu dan bertamadun, dan kita perlulah bertindak dengan lebih baik dan bijak di masa hadapan, terutamanya untuk menonjolkan contoh yang terpuji kepada generasi kita yang akan datang.

**####**

**DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**9 JAN 2024**